

21/05/2002

Pemimpin BN tekad bongkar kelemahan pembangkang

KUALA LUMPUR, Isnin - Pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) pada semua peringkat bertekad membongkar segala kelemahan pembangkang selaras arahan Perdana Menteri supaya BN mengambil pendekatan menyerang pembangkang.

Mereka juga bersetuju dengan saranan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya kesalahan parti lawan didedahkan sepanjang masa, supaya rakyat tahu tembelang pembangkang.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata orang ramai perlu tahu BN membawa perubahan dan pembangunan pesat kepada negara, sedangkan pembangkang cuma pandai menabur janji ketika pilihan raya.

Buktinya, kata beliau, wakil rakyat parti pembangkang tidak membawa pembangunan di kawasan yang dimenangi di Selangor pada pilihan raya umum 1999.

"Lebih teruk, pembangkang yang sudah ketandusan isu sanggup menyerang peribadi pemimpin BN. Kita bukan saja perlu membela diri, tetapi mendedahkan tembelang pembangkang seperti disarankan Pengerusi BN," katanya.

Muhammad juga meminta pemimpin akur dengan teguran Dr Mahathir supaya masalah dalaman parti BN tidak perlu diperbesarkan menerusi media, sehingga diketahui pihak musuh dan menjadi buah mulut orang ramai.

Seorang lagi Naib Presiden Umno, Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak, berkata BN akan bertindak lebih agresif dalam lingkungan undang-undang negara.

"Kita tahu kelemahan pembangkang termasuk janji yang tidak dipenuhi kepada rakyat, dasar parti yang tidak konsisten dan masalah dalaman dalam pakatan pembangkang.

"Semua kelemahan pembangkang didedahkan supaya kerajaan tidak menjadi sasaran," katanya.

Naib Ketua Pemuda Umno, Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir, pula berkata hampir 800,000 anggota Pemuda di seluruh negara sudah digerakkan untuk mendedahkan kelemahan pakatan pembangkang.

"Kita sudah memulakan kempen mendedahkan kesalahan dan kelemahan pembangkang khususnya Pas dan Keadilan, yang cuma pandai menabur janji ketika pilihan raya," katanya.

Timbalan Presiden MCA, Datuk Lim Ah Lek, berkata MCA juga akan bertindak lebih agresif bagi menyerang pembangkang.

Katanya, selama ini komponen BN lebih banyak mempertahankan diri apabila diserang dan sekarang tiba masanya untuk bertindak menyerang balik dengan lebih agresif.

Timbalan Presiden MIC, Datuk S Subramaniam, berkata MIC Pusat sudah lama bertindak demikian termasuk mendedahkan kepada orang ramai pembongkaran yang dilakukan pembangkang semata-mata untuk meraih sokongan.

"Namun, pada peringkat negeri dan bahagian, usaha untuk menjelaskan perkara sebenar kepada rakyat perlu diperhebatkan supaya mereka tidak terpengaruh dengan dakwah pembangkang," katanya.

Di Seremban, Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad yang juga pengerusi BN negeri, berkata BN memang mengetahui pelbagai perkara membabitkan pembangkang yang tidak diketahui umum.

"Sudah sampai masanya bagi parti komponen mendedahkan gelagat dan kelemahan pembangkang supaya orang ramai tahu keadaan sebenar," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat gejala sosial di Wisma Negeri.

Pengerusi MIC negeri, T Rajagopalu berkata, arahan Perdana Menteri tidak boleh dilengahkan kerana jika tidak, rakyat menganggap apa yang dikatakan pembangkang, semuanya betul.

Pendapatnya disokong Pengerusi Gerakan negeri, Datuk Woo Ah Lek yang menyatakan BN tidak boleh membiarkan parti pembangkang `membelasah' kerajaan dan pemimpinnya.

DI Kuala Terengganu, Ketua Umno Bahagian Kuala Nerus, Datuk Abdul Rashid Ngah, berkata sudah sampai masa bagi Umno, MCA dan MIC bekerjasama dan memberi perhatian terhadap perkara yang dibangkitkan Pas.

"Jika Umno terpaksa berdepan dengan isu agama, termasuk hudud, MCA dan MIC perlu membangkitkan kesedaran rakyat terhadap perkara yang tidak menyenangkan masyarakat bukan Islam," katanya.

Timbalan Pengerusi Perhubungan MCA negeri, Wong Foon Meng, berkata, MCA akan menyedarkan rakyat, masyarakat Cina di Terengganu tidak berpuas hati dengan sikap kerajaan Pas yang mengabaikan tanggungjawab membangunkan ekonomi dan mewujudkan peluang kerja.

Beliau berkata, selama lebih dua tahun memerintah Terengganu, Pas lebih memberi tumpuan isu keagamaan, sedangkan soal pembangunan masyarakat dan negara diabaikan.

(END)